

Kesedaran hala tuju pembangunan KL

HARI terbuka Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL2040) yang berlangsung dari 7 hingga 9 Mei lalu berjaya menarik kehadiran lebih 200 peserta sekali gus menandakan peningkatan kesedaran dan keprihatinan warga kota terhadap hala tuju pembangunan ibu negara.

Menurut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) program yang diadakan di Lobi Menara DBKL 1 itu menjadi medan penting bagi warga Kuala Lumpur dan pihak berkepentingan menyemak serta memberi maklum balas terhadap draf PTKL2040 sebelum pewartaannya.

“Dengan pendekatan terbuka dan inklusif, sesi ini menzahirkan komitmen DBKL untuk melibatkan rakyat secara aktif dalam proses perancangan bandar,” jelas DBKL menerusi laman Facebook.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif turut hadir bagi meninjau sendiri sambutan dan mendengar pandangan rakyat.

“Beliau menegaskan pentingnya keterlibatan masyarakat bagi memastikan pembangunan bandar berlangsung secara seimbang dan berpaksikan aspirasi rakyat.

“Bandar ini bukan hanya dibentuk oleh perancang, tetapi juga oleh suara rakyat yang menghuni dan menghidupkannya,” jelas DBKL.

Sepanjang tiga hari program



MAIMUNAH meninjau pelaksanaan Hari Terbuka PTKL2040 selain mendengar pandangan orang ramai.

berlangsung, seramai 208 peserta telah mendaftar termasuk orang awam, wakil agensi kerajaan, Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan, persatuan penduduk, badan bukan

kerajaan (NGO) dan wakil syarikat pemaju serta perunding.

Antara yang turut hadir termasuk bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Nor

Hisham Ahmad Dahlan; Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok Suh Sim; Ahli Parlimen Cheras, Tan Kok Wai dan wakil Pejabat Ahli Parlimen Segambut.

Agensi serta pemegang taruh yang turut hadir dalam sesi tersebut termasuklah Jabatan Landskap Negara; Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP); Rehda; KLRA+SD; serta wakil industri iaitu arkitek, perancang bandar dan pemaju projek pembangunan.

Turut hadir adalah persatuan penduduk dari Bukit Damansara, Country Heights Damansara, Sri Petaling, Taman Maluri, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Lembah Pantai serta NGO seperti Selamatkan Kuala Lumpur dan Friends of Bukit Dinding.

Menurut DBKL sesi ini turut menyaksikan perbincangan hangat berkaitan keseimbangan pembangunan dan pemeliharaan kawasan hijau, isu ketumpatan penduduk, serta kepentingan inklusiviti dalam perancangan bandar.

DBKL turut memaklumkan bahawa maklum balas yang diterima akan diteliti dan ditimbang secara profesional sebelum pewartaan akhir dokumen PTKL2040.

Kejayaan program ini mencerminkan keberhasilan pendekatan penyertaan awam yang semakin diterima baik, selaras dengan hasrat untuk membentuk Kuala Lumpur sebagai bandar raya mampan, berdaya tahan dan disayangi semua. 